Peperiksaan SPM Ulangan 2024 pada 20 hingga 22 Ogos

BERNAMA - Ogos 12, 2024 @ 3:55pm



Foto hiasan. - NSTP/ARKIB

PUTRAJAYA: Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Ulangan 2024 akan dilaksanakan pada 20 hingga 22 Ogos ini, membabitkan 8,195 pelajar di 187 pusat peperiksaan seluruh negara.

Kementerian Pendidikan (KPM) dalam kenyataan hari ini, memaklumkan peperiksaan ulangan itu akan melibatkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik.

Calon diingatkan untuk merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung.

"Calon hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan.

"Calon turut diingatkan supaya membawa dokumen pengenalan diri dan Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan ke pusat peperiksaan," menurut kenyataan itu.

Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan boleh dimuat turun dari Sistem Pengurusan Peperiksaan Atas Talian melalui pautan sppat.moe.gov.my.

Jadual waktu peperiksaan pula boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan melalui pautan lp.moe.gov.my.

Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan, KPM melantik seramai 1,329 petugas peperiksaan untuk Ujian Bertulis dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu serta 1,189 petugas peperiksaan untuk Ujian Bertutur Bahasa Melayu.